



STANDARDS
MALAYSIA

SIARAN MEDIA
31 Mac 2017

(Embargo sehingga 31 Mac)

MEMUPUK “BUDAYA CELIK KUALITI” DENGAN ANUGERAH STANDARDS MALAYSIA

KUALA LUMPUR – Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia), agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) memupuk “budaya celik kualiti” di kalangan masyarakat terutamanya generasi muda dengan Anugerah Standards Malaysia.

Sebanyak 12 pakar, tiga organisasi dan dua buah sekolah telah dianugerahkan oleh **YB Timbalan Menteri MOSTI, Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah** dalam Majlis Anugerah Standard dan Akreditasi Kebangsaan, di Hotel Sunway Putra, Kuala Lumpur, hari ini.

“Setakat ini, lebih daripada 5,000 Malaysian Standard (MS) telah dibangunkan dan 30 badan-badan pensijilan serta lebih daripada 800 makmal pengujian/penentukuran/kalibrasi telah diakredit oleh Standards Malaysia.

Ini semuanya juga adalah sumbangan daripada lebih daripada 5,000 orang pakar terlibat dalam aktiviti pembangunan standard dan 300 orang pakar dalam aktiviti akreditasi.

Sehubungan itu, anugerah ini adalah sebagai **salah satu inisiatif Kerajaan bagi memberi penghargaan kepada pihak berkepentingan yang terpilih yang banyak memberi sumbangan dalam bidang standardisasi dan akreditasi,**” YB Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah berkata.

“Standard, kualiti, pensijilan dan akreditasi telah dikenalpasti sebagai antara rangkaian elemen penting di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (2016-2020) bagi merangsang pertumbuhan sosio-ekonomi Negara.

Justeru itu, pada tahun ini, saya **berharap lebih banyak syarikat akan tampil ke hadapan untuk mendapatkan pensijilan,**” tambah beliau.



STANDARDS
MALAYSIA

Majlis ini turut dihadiri YBhg. Ketua Setiausaha MOSTI, YBhg. Datuk Seri Dr. Mohd Azhar Bin Hj. Yahaya, Pengerusi Majlis Standard dan Akreditasi Malaysia (MSDAM), YBhg. Tan Sri Datuk Mustafa Mansur and Ketua Pengarah Standards Malaysia, YBhg. Datuk Fadilah Baharin.

Tema majlis anugerah tahun ini adalah ‘Memupuk Generasi Depan’ yang berharap generasi muda ini yang nanti menjadi pemimpin, pengguna, peniaga dan sebagainya akan membudayakan standard di dalam segala tindakan dan keputusan pada masa depan.

“Penerapan budaya kualiti dalam masyarakat terutama berkaitan standard dan pematuhan adalah amat penting dan menjadi agenda utama Standards Malaysia.

Menyedari akan perkara ini, kami telah memulakan pelbagai inisiatif termasuk **memperkenalkan modul berkaitan standardisasi dan pematuhan ke dalam sistem pembelajaran negara agar generasi masa depan lebih terdedah dan lebih memahami budaya kualiti.**” Kata Datuk Fadilah.

Majlis ini juga meraikan kemenangan kumpulan pelajar Malaysia di The 11th International Standards Olympiad, 4-5 Ogos 2016, Anseong, Korea. Sekolah Menengah Kebangsaan St. Joseph, Kuching, Sarawak telah memenangi pingat emas bagi kategori menengah rendah dan Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Pagi, Seremban, Negeri Sembilan telah memenangi pingat perak bagi kategori menengah atas.

-----TAMAT-----



MAKLUMAT PEMENANG-PEMENANG:

Anugerah Standardisasi Kebangsaan 2016 (Kategori Individu)

– Sijil Penghargaan dan RM5,000

1. YBrs. Prof. Dr. Zairi Jaal – Universiti Sains Malaysia (USM)
2. YBrs. Dr. Teng Wan Dung – SIRIM Berhad
3. YBhg. Datuk Dr. Rahim Sudin – Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)
4. YBrs. Dr. Faridah Hanim Ab Hanan - Lembaga Getah Malaysia (LGM)

Anugerah Akreditasi Kebangsaan 2016 (Kategori Individu)

- Sijil Penghargaan dan RM5,000

1. YBhg. Prof Datuk Dr. Looi Lai Meng
2. YBhg. Dato' Dr. Roshida Hassan
3. YBrs. Dr. Rohani Md. Yassin
4. YBrs. Dr. Kwek Kuan Hiang
5. YBrs. Dr. Norhayati Moris
6. YBhg. Dato' Dr. Halimah Bee Yahaya
7. YBhg. Prof. Dr. Victor Lim Kok Eow @ Azman Lim
8. Tn. Hj. Haidzir Abd. Rahman

Anugerah Akreditasi Kebangsaan 2016 (Kategori Organisasi)

– Sijil Penghargaan

1. Kementerian Kesihatan Malaysia
2. Jabatan Kimia Malaysia

Malaysian Standards Appreciation Award

- Sijil Penghargaan dan RM5,000

1. Daikin Malaysia Sdn. Bhd.

The 11th International Standards Olympiad 2016

Middle School Category (Gold Medal)

– Sijil Penghargaan kepada Guru Pengiring dan Pelajar

Sekolah Menengah Kebangsaan St Joseph (M), Kuching, Sarawak

Pelajar:

- a) Abraham Chor Jin Ming
- b) Alwyn De La Rosa bin Len
- c) Mohamad Shuffri bin Suhaidi

Nama Guru Pengiring: En. Clement Anak Belen



STANDARDS
MALAYSIA

High School Category (Silver Medal)

– Sijil Penghargaan kepada Guru Pengiring dan Pelajar

Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Pagi, Seremban, Negeri Sembilan

Pengetua: Pn. Norraini Abu Bakar

Pelajar:

- a) Nurul Izza Nazariah binti Jamaludin
- b) Nurzainie binti Norsham
- c) Muhd Fakhruddin Arrozi bin Mohd Azali

Nama Guru Pengiring:

- a) Pn. Norraini Bt. Abu Bakar
- b) Pn. Marzatul Marializa Bt. Noruddin

Latar belakang Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia)

Jabatan Standard Malaysia adalah **Badan Standard Kebangsaan dan Badan Akreditasi Kebangsaan** yang memberi keyakinan kepada pihak berkepentingan, melalui aktiviti standardisasi dan perkhidmatan akreditasi yang berwibawa bagi peningkatan daya saing global.

Ditadbir di bawah Akta Standard Malaysia 1996 (Akta 549), Standards Malaysia adalah sebuah agensi yang ditubuhkan pada 28 Ogos 1996, di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Selama lebih daripada 20 tahun, kami telah berjaya membangunkan lebih daripada 5,000 Malaysian Standards (MS) dan menawarkan perkhidmatan akreditasi untuk menyumbang secara positif kepada ekonomi, masyarakat, alam sekitar dan kesejahteraan negara.

Sebagai badan berwibawa, kami terus melibatkan diri dengan pihak berkepentingan untuk membangunkan MS yang dapat melindungi kepentingan pengguna demi memberikan jaminan kesihatan dan keselamatan. Standards Malaysia juga sebagai penandatanganan kepada *Mutual Recognition Arrangements* dan *Multi-Lateral Recognition Agreements* di peringkat serantau dan antarabangsa, dan adalah tertakluk kepada proses penilaian. Dengan itu, ia dapat meningkatkan daya saing Malaysia dengan memudahkan perdagangan melalui pengiktirafan antarabangsa terdapat produk dan perkhidmatan melalui MS dan akreditasi.

Untuk maklumat lanjut: www.jsm.gov.my;

Puan Kee Lai Sien, Pegawai Perhubungan Awam
+6016-398 8801, kee@jsm.gov.my